


KEPADA PENERUS JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS


PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 12 JUN 2026

PERKARA: *HEBAHAN Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 4/2026*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,


Sidang Jemaah sekalian. Di sini ada satu pengumuman, iaitu Kerajaan Negeri Perak menjemput sidang Jemaah ke Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 4/2026


 Isnin, 15 Jun 2026

 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

 Stadium Indera Mulia, Ipoh


 Apa yang menarik?

 Anda berpeluang berinteraksi dan berurusan terus dengan barisan pengurusan tertinggi Kerajaan Negeri Perak, termasuk:


 YAB Menteri Besar, Dato' Seri Saarani bin Mohamad


 Barisan EXCO Kerajaan Negeri Perak, dan


 Pegawai-pegawai kanan daripada pelbagai jabatan dan agensi

 Boleh suarakan cadangan, kemukakan masalah dan idea


 Dapatkan maklumat dan perkhidmatan kerajaan – semua di bawah satu bumbung!

 Antara perkhidmatan kaunter bergerak dan reruai yang ditawarkan secara terus adalah seperti JPJ, Perpustakaan Perak, Zapar, Kaunter Hasil MBI, Kaunter Hasil PDT Kinta, Klinik Pergigian, Jabatan Pendaftaran, Biro Pengaduan Awam, Jabatan Kebajikan Masyarakat, LHDN, KWSP, Niosh, MyDigital ID dan Jabatan Akauntan.

 Jangan lupa ada pelbagai jualan dengan harga murah dan rahmah untuk semua pengunjung

 Dan yang paling penting – MASUK ADALAH PERCUMA!

 Jangan lepaskan peluang ini!

 Suara anda, keutamaan kami!

HEBAHAN SEBELUM KHUTBAH JUMAAT

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak) kini membuka **pendaftaran baharu Program Sijil Pengajian Masjid (SPM) Sesi 2026/2027**.

Program ini menawarkan pengajian Islam secara **berstruktur, sistematik dan bersilibus**, meliputi bidang Aqidah, Fiqh, Tafsir, Hadith, Tasawuf dan Sirah, serta dikendalikan oleh tenaga pengajar yang berkelayakan.

🕒 Pengajian akan berlangsung pada **setiap hari Sabtu, jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang**.

💰 Yuran tahunan: **RM500 seorang**

📅 **Tarikh tutup pendaftaran: 31 Julai 2026**

📞 **Bagi yang berminat atau ingin mendapatkan maklumat lanjut, sila berhubung dengan urusetia di talian 012-511 7262 (Aiman Amin) atau pejabat masjid di 05-255 7964.**

✨ *Jangan lepaskan peluang untuk mendalami ilmu agama secara lebih tersusun dan berterusan demi membina kefahaman Islam yang mantap dalam kehidupan.*

Sekian, terima kasih.

Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri Perak).

Masjid Sultan Idris Shah II
(Masjid Negeri Perak)

شهادة الدراسة المسجدية
SIJIL PENGAJIAN MASJID
Sesi 2026/2027

**PENGAMBILAN SESI BAHARU
KINI DIBUKA!**

6 Subjek Fardhu Ain ~ 3 tahap/tahun
Aqidah & Tayyarat Fikriyyah • Fiqh & Usul Fiqh
Tasawwuf • Tafsir & Ulum al-Quran
Hadith & Mustolah al-Hadith • Sirah Nabawiyah

Subjek Tahap Lanjutan ~ tahun keempat
Aqidah & Tayyarat Fikriyyah • Qawaid Fiqhiyyah
Fiqh Dakwah • Tafsir & Ulum al-Quran
Fiqh Awlawiyyat • Hadith & Mustolah al-Hadith

YURAN TAHUNAN
RM500 per individu

TEMPOH PENGAJIAN
Setiap Sabtu, 8.00 pagi ~ 1 petang
Taklimat: 1 Ogos 2026
Kelas bermula: 8 Ogos 2026

Tarikh tutup: 31 Julai 2026

Zabas-Digital

**Kali pertama
mendaftar
(Tahap 1)**

Untuk maklumat lanjut hubungi 05-255 7964 (Pejabat) / emel ke masjidnegeripk@gmail.com



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“HIJRAH PENCETUS PERUBAHAN DAN PEMBAHARUAN”

12 Jun 2026 / 26 Zulhijah 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي جَعَلَ الْمُحَرَّمَ فَاتِحَةَ الْعَامِ، وَأَمَرَ بِالتَّقْوَى وَالسَّلَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Semoga kedatangan tahun baharu 1448 Hijrah, membuka ruang untuk kita bermuhasabah, menundukkan hati kepada Allah dan berusaha berubah menjadi hamba yang lebih baik. Khutbah yang akan disampaikan pada hari ini bertajuk:

“HIJRAH PENCETUS PERUBAHAN DAN PEMBAHARUAN”

Hijrah Rasulullah SAW bukan sekadar perpindahan secara lahiriah dari Mekah ke Madinah tetapi melibatkan perubahan jiwa, pembinaan iman, pengukuhan persaudaraan dan penyusunan masyarakat berteraskan wahyu. Hijrah mengajar, bahawa perubahan besar itu bermula daripada hati yang tunduk kepada Allah.

Allah SWT berfirman dalam Surah ar-Ra'd, ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ⁴

Maksudnya: Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri.

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Ayat ini mengajak kita bermuhasabah agar tidak mudah menyalahkan takdir, tidak mudah menuding jari kepada orang lain, sedangkan diri sendiri masih belum berubah.

Jemaah yang dimuliakan

Matlamat pertama hijrah ialah perubahan diri. Tahun baharu Hijrah mengingatkan bahawa umur kita semakin bertambah, dan kita semakin dekat untuk memasuki alam barzakh, iaitu alam kubur, alam penantian antara kehidupan dunia dan akhirat, tempat persinggahan pertama roh manusia setelah meninggal dunia. Maka, semaikanlah niat yang ikhlas untuk berubah menjadi hamba yang lebih baik, berazam untuk meninggalkan perbuatan yang membawa kepada dosa, bertaubat dan memperbanyakkan amal soleh, selaras dengan hadis Baginda SAW:

المُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا نَهَى اللَّهُ عَنْهُ

Maksudnya: Orang Islam yang sebenar ialah orang yang membuat orang Islam lain selamat daripada kejahatan lidah dan tangannya. Dan orang yang benar-benar berhijrah ialah orang yang meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah. (Riwayat Bukhari dan Muslim)

Mus'ab bin Umair, sahabat Nabi SAW, merupakan seorang pemuda bangsawan Quraisy yang hidup dalam kemewahan yang luar biasa, namun setelah memeluk Islam, beliau dengan ikhlas meninggalkan segala harta kekayaan, pangkat, dan darjat demi berhijrah kepada Allah dan Rasulullah. Beliau dikurung lalu dihalau oleh keluarganya dari rumah, lalu hidup dalam kemiskinan; namun sedikit pun tidak melunturkan keyakinan dan keimanan beliau demi keredhaan Illahi.

Matlamat kedua hijrah ialah pementapan sahsiah dan jati diri Muslim. Jati diri Muslim bermaksud hidup ini bukan sekadar untuk dunia, tetapi insaf sebagai hamba Allah yang memikul amanah yang akan dihitung di akhirat nanti.

Muslim yang kuat sahsiahnya tidak mudah hanyut dengan pengaruh suasana sekeliling dan suasana semasa. Ketika orang lain hanyut dengan budaya hiburan



tanpa batas, dia kekal mematuhi batasan syariat. Ketika orang lain membazir berbelanja besar kerana terpengaruh dengan dorongan nafsu, dia kekal berbelanja secara berjimat dan berhemah; ketika orang lain bersifat menipu, dia cekal bersifat jujur; ketika orang lain sibuk mencaci dan menyebarkan fitnah, dia mengunci mulut dengan lidah yang senantiasa beristighfar dan berzikir; dan ketika orang lain memburu dunia tanpa batas, dia memilih mengingati akhirat.

Muslim yang mantap sahsiah dan jati diri, sentiasa menjaga solat, memelihara akhlak, menghormati ibu bapa, bersedekah dan berinfaq, menjauhi maksiat, serta berpegang teguh kepada ajaran Islam ketika berdepan pelbagai cabaran dan godaan zaman.

Matlamat ketiga hijrah ialah pembangunan ummah. Umat Islam perlu membina budaya hidup yang berhemah, berjimat dan tidak membazir. Setiap keluarga hendaklah bijak mengurus kewangan, membezakan antara keperluan dan kehendak, lantas mengelakkan diri daripada berhutang bagi perkara-perkara yang sebenarnya tidak diperlukan.

Pada masa yang sama, umat Islam digalakkan menceburi bidang perniagaan, perdagangan, perusahaan, pertanian, ternakan dan pelbagai bidang yang dapat menambah pendapatan keluarga; sebagai usaha menghindari diri dan keluarga daripada kemiskinan.

Dari sudut dunia digital, umat Islam perlu bijak menggunakan teknologi sebagai alat memperkasa ilmu, dakwah dan ekonomi, bukan sekadar hiburan. Anak-anak dan remaja perlu dibimbing supaya bijak menggunakan kemudahan teknologi untuk belajar, mencari kemahiran baharu, membaca bahan bermanfaat dan menyebarkan kebaikan. Mereka perlu dididik supaya tidak terlibat dengan judi dalam talian, buli alam maya, penyebaran fitnah, menonton dan menyebarkan gambar tidak bermoral serta kandungan yang merosakkan akhlak.

Matlamat keempat hijrah ialah perpaduan. Ketika Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, antara perkara pertama yang Baginda lakukan ialah



mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar. Islam membina ummah dengan persaudaraan, kasih sayang, keadilan dan saling membantu.

Hari ini, perpaduan kita diuji dengan kepelbagaian bangsa dan agama, perbezaan pandangan dan kabilah politik, perbezaan taraf sosioekonomi, perbezaan pencapaian pendidikan, dan pelbagai perbezaan lagi. Menghayati nilai hijrah, akan menjauhkan kita daripada perbuatan saling menghina dan saling bertelagah serta menyebarkan fitnah dan memutuskan persaudaraan.

Jangan nanti ketika kita menghadapi Allah SWT, tercatat kita memiliki hati yang dipenuhi kebencian terhadap saudara sendiri, meskipun kita mendirikan solat dan melakukan pelbagai ibadah. Betapa ruginya puluhan tahun persaudaraan yang terbina, musnah dalam sekelip mata, hanya disebabkan beberapa minit pertelingkahan. Sedarilah! suatu hari nanti, ketika kita terbujur berpakaian kafan, kita tidak lagi memerlukan kemenangan ketika pertelingkahan, tetapi sangat memerlukan doa, kemaafan dan redha daripada manusia.

Perpaduan menuntut kita saling menghormati, berlapang dada dan mendahulukan kepentingan ummah. Jika berlaku perselisihan, selesaikanlah dengan hikmah kerana ummah yang bersatu akan menjadi kuat, manakala ummah yang berpecah akan mudah lemah.

Jemaah Rahimakumullah

Hijrah yang sebenar bukan sekadar perubahan tahun, tetapi perubahan niat dan perubahan perbuatan; berlaku apabila hati kembali ingat dan takut kepada Allah, lalu amanah dipulangkan kepada yang berhak, lidah dibasahi istighfar dan langkah diatur menuju jalan yang mendapat keredaan Ilahi.

Insafilah! Jumaat ini atau Muharam ini mungkin Jumaat dan Muharam terakhir buat kita. Segala yang kita genggam akan ditinggalkan, sedangkan yang mengiringi kita ke alam barzakh hanyalah amal yang ikhlas.

Maka sebelum tubuh diselimuti kafan, selimuti hidup kita dengan taubat. Sebelum jenazah kita diangkat untuk diusung ke liang lahad, angkatlah darjat diri dengan amal soleh; kembalilah kepada Allah dengan hati yang tawaduk.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta para ulama yang muktabar meliputi aliran *Asya'irah* dan *Maturidiyyah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَتَبِّئْهُمْ عَلَى مِلَّةِ

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ عَامَنَا هَذَا عَامَ خَيْرٍ وَبَرَكَاتٍ، وَاعْفِرْ ذُنُوبَنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا،
وَارْزُقْنَا عَمَلًا صَالِحًا، وَاخْتِمْ لَنَا بِالْحُسْنَى يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah Ya Rabbal 'alamin, jadikanlah tahun baharu ini sebagai tahun yang penuh kebaikan dan keberkatan. Ampunilah segala dosa kami, terimalah taubat kami dan dorong hati kami untuk cenderung melakukan amalan-amalan soleh. Akhirilah hidup kami dengan kesudahan yang baik.

Ya Mannan, Ya Razzaq, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Mu'min, Ya Muhaimin, Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Aziz, Ya Qahhar, Lindungi umat Islam yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

Ya Muiz, Ya Adzhiim, Ya Kabiir, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.